

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 18 OGOS 2015 (SELASA)**

| <b>Bil</b> | <b>Tajuk</b>                                                                | <b>Akhbar</b>   |
|------------|-----------------------------------------------------------------------------|-----------------|
| 1.         | Bioekonomi mampu suntik pendapatan kasar RM5.9b                             | Berita Harian   |
| 2.         | Kerajaan akan bantu Usahawan Bioteknologi menerusi Geran RM30 Juta - Madius | BERNAMA         |
| 3.         | SIRIM bekerjasama dngan Airestec Innovations dalam R&D Teknologi Enzim      | BERNAMA         |
| 4.         | BiotechCorp sasar 20 BioNexus global                                        | KOSMO           |
| 5.         | BiotechCorp sasar pelaburan RM30B                                           | Berita Harian   |
| 6.         | SIRIM, Airestec jalin kerjasama R&D                                         | Utusan Malaysia |

# Bioekonomi mampu suntik pendapatan kasar RM5.9b

» 46 projek berimpak tinggi jana hasil menjelang 2020

Oleh Che Wan Badrul Alias  
chewan@bh.com.my

**M**alaysia memiliki 46 projek berimpak tinggi di bawah Program Transformasi Bioekonomi (BTP) setakat ini, yang mana dijangka menyumbang RM5.9 bilion kepada Pendapatan Kasar Negara (PKN) menjelang tahun 2020.

Berdasarkan laporan jawatankuasa BTP, 46 projek yang sedang dilaksanakan itu juga berupaya menyediakan sehingga 25,000 peluang pekerjaan baharu dan nilai pelaburan keseluruhan mencecah RM18.2 bilion.

Naib Presiden Kanan Bahagian Program Bioekonomi dan Pengurusan Pelaksana Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd (BiotechCorp), Zurina Che Dir, berkata 33 daripada projek terbabit sudah diluluskan, manakala 13 projek lagi sedang menunggu kelulusan.

Katanya, prestasi itu dalam laluan tepat untuk mencapai sasaran tertinggi BTP, iaitu menjana sumbangan RM48 bilion kepada PKN, menyediakan 170,000 pekerjaan baharu dan pelaburan mencecah RM50



Dari kiri Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Madius Tangau, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek dan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah pada **Pameran BioMalaysia & Bioekonomi ASEAN 2015** di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH]

bilion menjelang tahun 2020.

## Sasar tarik lebih 100 projek

“Bagi mencapai sasaran tertinggi BTP ini, kami menyasarkan untuk menarik lebih 100 projek berimpak tinggi baharu daripada peserta industri tempatan dan luar negara.

“Setiap projek berbeza kerana ada yang membabitkan pelaburan tinggi tetapi sumbangan kepada PKN rendah manakala ada yang sebaliknya, justeru projek ini perlulah bernilai tinggi dan memiliki impak kepada ekonomi negara serta setempat,” katanya dalam

satu temu bual sempena Pameran BioMalaysia & Bioekonomi ASEAN 2015 di Kuala Lumpur, semalam.

Pada tahun 2013, bioekonomi menyumbangkan RM120.8 bilion atau 12.2 peratus daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Sektor ini turut disasarkan sebagai sektor berprestasi tinggi dengan potensi pertumbuhan bioekonomi disasarkan mencecah 15 peratus sehingga 2030 dengan sasaran sumbangannya melonjak 181.2 bilion kepada KDNK.

Mengulas lanjut, Zurina

berkata, daripada 46 projek terbabit 20 projek daripadanya adalah industri bioteknologi berdasarkan pertanian, 19 projek dalam bioindustri dan baki tujuh projek adalah bio-perubatan.

“Tujuan utama pameran ini adalah untuk menimbulkan kesedaran masyarakat umum dan syarikat swasta supaya memahami peluang yang ditawarkan menerusi BTP supaya mereka boleh bekerjasama dengan kami menyenaraikan projek mereka dalam senarai projek berimpak tinggi BTP,” katanya.



## Kerajaan Akan Bantu Usahawan Bioteknologi Menerusi Geran RM30 Juta - Madius

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Kerajaan kini bersedia membantu usahawan dalam industri bioteknologi menerusi kemudahan berjumlah RM30 juta yang diluluskan pada April lalu, kata [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Madius Tangau](#).

Beliau berkata geran itu akan diguna untuk pengkomersilan produk peserta industri, sekali gus membantu mencapai sasaran pengkomersilan kerajaan pada kadar 10 peratus menjelang 2020 berbanding lapan peratus sekarang.

Kadar pengkomersilan antarabangsa penanda aras ialah 15 peratus.

"Kerajaan mengalu-alukan mereka yang terlibat dalam ekosistem dan kami akan berusaha memperkukuh industri bioteknologi yang merupakan satu daripada agenda kerajaan.

"Geran ini merupakan dana 100 peratus untuk usahawan dan ada inisiatif lain yang disediakan bagi membantu meningkatkan kadar pengkomersilan," katanya kepada pemberita pada Bioekonomi BioMalaysia & ASEAN 2015, di sini, Isnin.

Madius berkata antara inisiatif kerajaan ialah mewujudkan outlet 'Bioshoppe' bagi mempromosikan produk inovatif tempatan dan mesin layan diri di seluruh negara untuk promosi sesetengah produk.

Terdahulu, Madius yang membacakan teks ucapan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, berkata Malaysia menyasarkan untuk menjadi pemain global dalam industri bioteknologi tahun depan iaitu ketika ia memasuki fasa ketiga Dasar Bioteknologi Negara (DBN).

"Setakat ini kita ada 261 syarikat berstatus BioNexus dengan pelaburan diluluskan keseluruhan bernilai RM6.42 bilion.

"Ini mencerminkan kadar pertumbuhan 16 peratus berbanding 2013, menunjukkan kejayaan program untuk memacu pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berdasarkan bioteknologi di Malaysia," katanya.

Lebih 50 peratus daripada syarikat ini adalah PKS dan kini bersedia untuk berkembang ke dalam ekonomi baharu manakala dua peratus teratas pula tersenarai di bursa Malaysia, Australia, United Kingdom dan Eropah.

Beliau berkata dengan Malaysia selaku Pengerusi ASEAN, adalah amat sesuai BioMalaysia tahun ini menumpukan kepada bioekonomi di rantau ASEAN.

Bagi fasa kedua DBN, agensi pembangunan peneraju di bawah kementerian, Biotech Corp berjaya menarik pelaburan sekitar RM21.3 bilion, melepasi sasaran yang ditetapkan dengan lebih RM11 bilion.

Bagi fasa ketiga antara 2016 dan 2020, agensi itu menyasarkan pelaburan tempatan dan asing bernilai RM15 bilion.

Semasa fasa pertama DBN antara 2006 dan 2010, industri bioteknologi menyumbang 2.2 peratus kepada keluaran dalam negara kasar berbanding sasaran 2.5 peratus.

-- BERNAMA



## SIRIM Bekerjasama Dengan Airestec Innovations Dalam R&D Teknologi Enzim

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- [SIRIM Bhd](#) dan Airestec Innovations Sdn Bhd, penyedia bio dan penyelesaian hijau, hari ini menjalin perkongsian untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam teknologi enzim.

Pertukaran memorandum persefahaman (MoU) di antara kedua-dua pihak menandakan kerjasama dalam R&D untuk penyisihan mikroorganisma Malaysia yang berupaya menghasilkan protease, amilase, selulase dan lipase.

MoU itu antara lain akan bertindak sebagai forum kerjasama di antara kedua-dua pihak bagi sebarang perkara kepentingan bersama yang termasuk perkongsian kepakaran, penggunaan kemudahan penyelidikan dan kerjasama dalam bidang lain yang memberi manfaat bersama melalui maklumat teknikal dan pertukaran kakitangan, kata SIRIM dalam satu kenyataan.

[SIRIM diwakili Presiden dan Ketua Eksekutif, Datuk Dr Zainal Abidin Mohd Yusof](#) manakala Airestec Innovations oleh Pengarah Urusan, William Rodney Yeo dan [disaksikan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Madius Tangau.](#)

Airestec Innovations diakreditasi dengan syarikat berstatus BioNexus oleh [Perbadanan Bioteknologi Malaysia, sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.](#)

-- BERNAMA

## BiotechCorp sasar 20 BioNexus global

Oleh NOR SYARIZA MUHD. TAHIR

**KUALA LUMPUR** – Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BiotechCorp) optimis untuk melahirkan sekurang-kurangnya 20 syarikat BioNexus berstatus multinasional menjelang tahun 2020.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Mohd. Nazlee Kamal (**gambar**) berkata, ia merupakan sebahagian daripada strategi yang terkandung dalam Fasa Ketiga Dasar Bioteknologi Negara yang dijadual bermula pada tahun 2016 hingga 2020.

“Pada masa ini, kami telah mengenal pasti empat calon syarikat yang dilihat telah mencapai tahap matang untuk menjadi syarikat bioteknologi bertaraf global.

“Dinilai dari segi modal



MOHD. NAZLEE



pasaran, kadar penembusan eksport, potensi serta jumlah perolehan, strategi ini diharap dapat meningkatkan lagi daya saing bagi industri bioteknologi Malaysia di peringkat global,” katanya ketika ditemui pada Persidangan BioMalaysia dan Bioekonomi ASEAN 2015 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur semalam.

Syarikat berstatus BioNexus adalah firma tem-

patan dan antarabangsa yang layak menerima insentif fiskal, geran serta jaminan yang diuruskan oleh BiotechCorp.

Pada masa ini, sebanyak 261 syarikat diiktiraf BioNexus yang

telah menjana sebanyak RM6.42 bilion pelaburan diluluskan.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 147 terdiri daripada sektor biopertanian, syarikat berkaitan bioperubatan (72) dan syarikat bioindustri (42).

Sementara itu, Naib Presiden Kanan, Program Bioekonomi dan Bahagian Pengurusan Penyampaian BiotechCorp, Zurina Che

Dir berkata, sehingga kini pihaknya turut melaksanakan beberapa inisiatif bagi meningkatkan lagi pertumbuhan syarikat-syarikat BioNexus.

“Ia termasuk Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi yang bertujuan untuk menyediakan rantai bekalan produk atau bahan mentah kepada syarikat-syarikat dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan menerusi pertanian kontrak,” katanya.

Persidangan BioMalaysia dan Bioekonomi ASEAN 2015, yang berlangsung sehingga esok, merupakan platform perkongsian idea, penyelesaian praktikal dan usaha sama efektif dalam kalangan penggiat industri bioteknologi tempatan dan antarabangsa.

# BIOTECHCORP

## SASAR PELABURAN RM30B

» Kaji modal  
fasa ketiga Dasar  
Bioteknologi  
Negara 2016-2020

Oleh Che Wan Badrul Alias  
chewan@bh.com.my

**M**alaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) akan menyemak semula sasaran pelaburan bagi fasa ketiga Dasar Bioteknologi Negara kepada RM30 bilion bagi tempoh 2016-2020 berbanding RM15 bilion sebelum ini.

Sasaran peningkatan sekali ganda pelaburan itu memberi isyarat jelas terhadap kedudukan Malaysia untuk menerajui inisiatif bioekonomi di pasaran serantau apabila fasa ketiganya 'Going Global' bermula tahun depan.

Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal, berkata sasaran pelaburan fasa ketiga itu akan dibentangkan pada mesyuarat Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bersama Lembaga Pengarah BiotechCorp untuk dimuktamadkan.

### Sasaran awal

Katanya, ia adalah sasaran awal yang relevan berdasarkan momentum pelaburan bagi fasa kedua yang setakat kini melonjak hampir tiga kali ganda kepada RM21.3 bilion berbanding sasaran awal RM9 bilion.

"Sasaran awal ini juga berdasarkan potensi, pembangunan industri dan persekitaran ekonomi global yang semakin pulih, sekali gus menyediakan ruang kepada negara mencapai sasaran ini pada masa depan.

"Cabaran utamanya adalah mencari strategi mencapai sasaran ini, lebih-lebih lagi dengan nilai ringgit yang rendah, namun kami melihatnya sebagai sesuatu positif kerana ia menjadikan pasaran eksport sangat menarik.

"Jika kita dapat memacu agenda eksport pada fasa akan datang, ia akan menjana manfaat besar kepada syarikat Malaysia. Walaupun ringgit kembali mengukuh,



**Mohd Nazlee bersama Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Madius Tangau (tiga dari kanan), melakukan perasmian di PWTC, Kuala Lumpur, baru-baru ini.**

[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI]

agenda eksport ini akan dapat mengekalkan momentumnya," katanya kepada BH pada Pameran BioMalaysia & BioEkonomi ASEAN 2015 di Kuala Lumpur, semalam.

Mengulas lanjut, Nazlee, berkata pihaknya merancang untuk melancarkan hala tuju fasa ketiga Dasar Bioteknologi Negara sebelum akhir tahun ini yang bakal menyediakan lebih banyak inisiatif untuk memperkasakan industri bioteknologi ke pasaran global.

Katanya, ia akan turut memanfaatkan platform ASEAN untuk membawakan syarikat BioNexus ke peringkat perniagaan-keperniagaan dan kerjasama antara kerajaan bagi menjadikan perdagangan antara Asia lebih menarik.

"Kami sedang membangunkan formula untuk fasa ketiga dan diharapkan lebih

banyak langkah dapat dilakukan untuk meningkatkan komersial produk bioteknologi tempatan sepanjang strategi lima tahun ini.

"Ketika ini kita hanya nampak hala tuju ini secara kasar kerana kita masih dalam fasa kedua. Namun, sebelum akhir tahun ini, kami akan melancarkan hala tuju fasa ketiga dan dari situ kita akan lihat lebih banyak yang akan dilakukan untuk capai sasaran tahun 2020," katanya.

**"Jika kita dapat memacu agenda eksport pada fasa akan datang, ia akan menjana manfaat besar kepada syarikat Malaysia"**

**Mohd Nazlee Kamal,**  
Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp





ZAINAL ABIDIN MOHD. YUSOF (tiga dari kanan) bertukar-tukar dokumen dengan William Rodney Yeo sambil disaksikan Madius Tangau (empat dari kiri) sempena pelancaran Bio Malaysia dan Persidangan & Pameran Bioekonomi ASEAN 2015 di Kuala Lumpur, semalam.

# SIRIM, Airestec jalin kerjasama R&D

Oleh NABILA YASMIN RAZIB  
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 17 OGOS

**P**ENERAJU penyelidikan perindustrian dan teknologi di Malaysia SIRIM Bhd. (SIRIM), bekerjasama dengan penyedia penyelesaian hijau dan bio, Airestec Innovations Sdn. Bhd. (Airestec Innovations), bagi menggalakkan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) teknologi enzim.

SIRIM berkata, satu Memorandum Persefahaman (MoU) telah dimeterai hari ini bagi menandakan kerjasama R&D untuk pengasingan mikro organisma yang mampu menghasilkan protease, amilase, selulase dan lipase.

MoU berkenaan antara lain akan berfungsi sebagai forum bagi kerjasama antara kedua-dua syarikat untuk perkara yang mempunyai kepentingan bersama termasuk perkongsian kepakaran, penggunaan kemudahan penyelidikan,

kerjasama dalam lain-lain bidang yang memberi manfaat bersama melalui pertukaran maklumat teknikal dan kakitangan, pemindahan teknologi, latihan dan pembangunan teknologi bersama dan perkhidmatan teknikal bersama kepada industri.

"Sebagai sebuah badan penyedia penyelesaian menyeluruh dalam bidang kualiti dan inovasi teknologi, fokus aktiviti SIRIM adalah dalam pembangunan penyelidikan dan teknologi, standard dan kualiti, dan pemindahan teknologi yang memberi keutamaan bidang teknologi yang penting kepada daya saing industri negara seperti Tenaga dan Alam Sekitar, Teknologi Perubatan, dan Loji dan Mesin," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Majlis pertukaran dokumen MoU di antara Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof dengan Pengarah Urusan Airestec Innovations, William Rodney Yeo turut disaksikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Madius Tangau

bersempena dengan pelancaran Bio Malaysia dan Persidangan dan Pameran Bioekonomi ASEAN 2015 yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Airestec diiktiraf dengan status Syarikat Bio Nexus melalui Malaysian Biotechnology Corporation, sebuah agensi di bawah MOSTI yang dimiliki oleh Kementerian Kewangan dan Green Tag/My Hijau dari Malaysia Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia) yang merupakan sebuah pertubuhan bukan berasaskan keuntungan di bawah bidang kuasa Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

Airestec Innovations adalah sebuah syarikat R&D yang memberi fokus utama kepada gred makanan, organisma tidak diubah suai genetik (Non GMO) enzim pelbagai, bio, dan teknologi Eko-Label untuk mempertingkatkan kualiti hidup dan kesihatan manusia, menghapuskan pencemaran, perlindungan alam sekitar, mencegah kerosakan aset, serta meningkatkan sistem dan kecekapan tenaga.